## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## KHAMIS 12 OKTOBER 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14. | KERAJAAN DISARAN TERUSKAN SUBSIDI AYAM DAN TELUR, NEGERI KEDAH, SH -26<br>PENIAGA RESAH BEKALAN TELUR AYAM MASIH KURANG, DALAM NEGERI, UM -33<br>BELUM CADANG HAPUS MONOPOLI BERNAS, LOKAL, HM -17<br>TIADA CADANGAN, KEPERLUAN MANSUH NMONOPOLI BERNAS, NASIONAL, BH -5<br>300 PESAWAH SUDAH MENINGGAL MASIH TERIMA SUBSIDI PADI, DALAM NEGERI, UM -7<br>300 PESAWAH MENINGGAL MASIH DAPAT SUBSIDI, NASIONAL, BH -3<br>SEKTRO PERTANIAN TUMPUAN UTAMA MALAYSIA-THAILAND, DALAM NEGERI, UM -2<br>JANGAN LUPA NASIB PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -5<br>PERTIMBANG NAIK HARGA LANTAI BELIAN PADI, DALAM NEGERI, UM -5<br>PERANAN BERNAS DIKEKALKAN, DALAM NEGERI, UM -6<br>'POTONG 20 PERATUS, BERAPA YANG TINGGAL?', NEGARA, KOSMO -16<br>'BERNAS NEEDS TO FULFIL OBLIGATIONS', NEWS, THE SUN -4<br>NO PLANS TO END BERNAS MONOPOLY ON RICE IMPORTS, NEWS, NST -8<br>PAC: RM730,000 IN SUBSIDIES PAID TO DEAD FARMERS, NEWS, NST -8 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 15.<br>16.<br>17. | KONSERVASI PENYU MERSING, K2, KOSMO -19<br>BANTU TINGKAT POPULASI PENYU AGAR DAN KARAH, K2, KOSMO -20<br>DAGING DAN TELUR PENYU TOKSIK KEPADA MANUSIA, NEGARA, KOSMO -21 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 18. | KADA TAMBAH BAIK AGIHAN HASIL PADI PROJEK LADANG MERDEKA, NASIONAL, BH -3 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA) |
| 19.<br>20.<br>21.<br>22. | FOKUS ISU PENTING BANTU KEMBANG SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, SH -19<br>PERLU BANTUAN UNTUK TERUS BERTAHAN, NASIONAL, SH -19<br>PLANTING POTENTIAL, METRO, THE STAR -1<br>HOBBY BEARS FRUIT FOR PASIR GUDAN FOLK, NEWS, THE STAR -2 & 3 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI KEDAH | 26 |

# Kerajaan disaran teruskan subsidi ayam dan telur

**ALOR SETAR -** Kerajaan wajar meneruskan pemberian subsidi ayam dan telur berikutan kos sara hidup pengguna makin tinggi.



MOHAMAD YUSRIZAL

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, telur ayam misalnya merupakan salah satu sumber protein, sekali gus perlu berada pada harga murah.

Beliau melahirkan kebimbangan harga telur ayam akan naik sekiranya pemberian subsidi tidak diteruskan.

"Sekarang ini harga sebiji telur sekitar 45 sen, mungkin ia akan naik kepada 60 sen hingga 70 sen sebiji.

"Beras pun sudah naik harga, sayur pun sudah naik harga. Ayam masih lagi di paras (harga) lama tapi masih di paras yang tinggi. Jadi, kita harap supaya subsidi ini akan diteruskan," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Beliau turut menyarankan kepada kerajaan supaya menghentikan eksport telur ayam ke luar negara.

"Kita bimbang telur-telur (ayam) ini dieksport ke luar. Jadi, cukupkan dahulu bekalan dalam negara," katanya.

Tambah Mohd Yusrizal, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan disarankan memperluaskan industri penternakan ayam dan juga telur.

Menurutnya, usaha ini demi memastikan lambakan bekalan bahan mentah berkaitan dalam negara, sekali gus berlaku persaingan antara penternak dan penjual.

"Apabila berlaku lambakan, maka harga seperti mana yang kita tengok pada waktu pandemik Covid-19 dahulu, semua harga menjadi turun disebabkan permintaan yang rendah dan penawaran yang tinggi. Kita harap penawaran ini meningkat dalam industri telur ini," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Jemaah Menteri akan membuat keputusan berkaitan subsidi ayam dan telur dalam masa terdekat.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira jualan yang kini mula dipasarkan di bawah harga siling serta bekalan di pasaran yang semakin stabil.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |


# Peniaga resah bekalan telur ayam masih kurang

**GUA MUSANG:** Peniaga di daerah ini resah ekoran bekalan telur ayam masih berkurangan di pasaran sekali gus memberi kesan kepada perniagaan mereka.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, bekalan telur di beberapa kedai runcit masih sukar diperoleh.

Seorang peniaga telur di Bandar Gua Musang, Muhammad Fikri Jaya, 23, berkata, situasi itu menyebabkannya berdepan dilema apabila terpaksa mengehadkan penjualan kepada pelanggan.

Katanya, sejak Mei lalu, dia hanya menerima sekitar 1, 400 hingga 1, 500 papan telur dalam tempoh seminggu berbanding 3,000 papan sebelum ini.

"Keadaan ini mendesak kami supaya mengehadkan bekalan kepada pengguna terutama pelanggan tetap termasuk pengusaha restoran di sekitar bandar ini.

"Saya terpaksa membahagikan bekalan telur kepada pelanggan lain dan bekalan telur yang sampai pada hari Ahad habis dalam tempoh tiga hari sahaja," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Muhammad Fikri berkata, harga telur meningkat dengan dijual pada permulaan harga RM12.30 untuk gred D sehingga RM16.80 untuk gred AA.

Katanya, harga telur ayam ini di bawah kawalan dan sebagai peniaga, dia tidak boleh menaikkan sewenang-wenangnya dan mengikut harga yang ditetapkan.

Sementara itu, seorang pengusaha bakeri di Taman Wira Perdana di sini, Marlia Ismail, 37, berkata, dia terpaksa mengehadkan penggunaan telur iaitu hanya 10 papan seminggu.

Katanya, keadaan itu memberi kesan terhadap operasi perniagaannya kerana banyak menjual produk berasaskan telur seperti kek dan biskut.

"Kadangkala apabila telur tiada, saya tidak boleh ambil tempahan," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/10/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |


# Belum cadang hapus monopoli Bernas

**Kuala Lumpur:** Kerajaan, pada masa ini belum bercadang menghapuskan monopoli Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sebagai pengimport beras di negara ini.

**Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu**, berkata, kementerian yakin dasar pengimport utama beras yang sedang dilaksanakan ketika ini adalah kaedah terbaik dalam menangani cabaran semasa dan mendatang.

Mohamad berkata, dasar berkenaan adalah mekanisme utama yang memberikan keupayaan kepada negara untuk menghadapi cabaran ketidakstabilan harga beras antarabangsa.



MOHAMAD

"Ini kerana dasar pengimport utama adalah mekanisme *gatekeeping* yang berfungsi sebagai benteng bagi melindungi industri padi dan beras tempatan daripada terdedah kepada ketidaktentuan kedudukan pasaran antarabangsa.

"Berdasarkan perkara ini, sebarang keputusan mengenai perubahan dasar ini wajib mengambil kira kebajikan dan pendapatan pesawah, kestabilan dan jaminan bekalan makanan negara serta dasar semasa kementerian," katanya dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu)** mengenai bila kementerian akan menghapuskan monopoli Bernas dan membenarkan lebih banyak pengimport beras di negara ini.

Menjawab soalan sama ada kenaikan harga Beras Putih Import (BPI) juga ada kaitan dengan monopoli Bernas, Mohamad menjelaskan, ia tidak berkaitan, sebaliknya kenaikan BPI adalah disebabkan harga pasaran antarabangsa bagi beras itu meningkat sebanyak 60 peratus pada akhir Ogos 2022.

Sehingga kini, sebanyak 19 negara membataskan eksport ke luar negara untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri.

Sebagai contohnya katanya, India mengenakan sekatan eksport beras mulai Julai lalu, seterusnya memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global.

"Keadaan ini diburukkan lagi dengan kemerosotan kadar tukaran asing Ringgit Malaysia (RM), berbanding dolar Amerika Syarikat (AS$).

"Kenaikan harga beras ini bukan saja berlaku di negara ini tetapi turut dirasai secara global," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/10/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Tiada cadangan, keperluan mansuh monopoli BERNAS

## Dasar dirancang jadi mekanisme utama hadapi ketidakstabilan harga beras dunia

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan perlu mengambil kira kebajikan dan pendapatan pesawah, kestabilan serta jaminan bekalan makanan negara sebelum membuat perubahan dasar berhubung monopoli Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebagai pengimport beras di negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menghapuskan monopoli BERNAS dan yakin dasar yang dilaksanakan adalah kaedah terbaik dalam menangani cabaran semasa dan mendatang.

Beliau berkata, dasar berkenaan adalah mekanisme utama yang memberikan keupayaan kepada negara untuk menghadapi cabaran ketidakstabilan harga beras antarabangsa.

"Dasar pengimport utama adalah mekanisme 'gate keeping' yang berfungsi sebagai benteng bagi melindungi industri padi dan beras tempatan daripada terdedah kepada ketidaktentuan kedudukan pasaran antarabangsa.

"Berdasarkan perkara ini, sebarang keputusan mengenai perubahan dasar berkenaan wajib mengambil kira kebajikan dan pendapatan pesawah, kestabilan dan jaminan bekalan makanan negara serta dasar semasa kementerian," katanya melalui jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu) mengenai bila kementerian akan menghapuskan monopoli BERNAS dan membenarkan lebih banyak pengimport beras di negara ini.

### Tiada kaitan harga BPI

Menjawab soalan sama ada kenaikan harga Beras Putih Import (BPI) juga ada kaitan dengan monopoli BERNAS, Mohamad menjelaskan, ia tidak berkaitan.

Sebaliknya beliau berkata, kenaikan BPI adalah disebabkan harga pasaran antarabangsa bagi beras itu meningkat sebanyak 60 peratus pada akhir Ogos 2022.

Sehingga kini, sebanyak 19 negara membataskan eksport beras ke luar negara untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri.

Sebagai contohnya, katanya, India mengenakan sekatan eksport beras mulai Julai lalu, seterusnya memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global.

"Keadaan ini diburukkan lagi dengan kemerosotan kadar tukaran asing ringgit Malaysia (RM), berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

"Kenaikan harga beras ini bukan saja berlaku di negara ini tetapi turut dirasai secara global," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 7 |

# 300 pesawah sudah meninggal masih terima subsidi padi

**KUALA LUMPUR:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan seramai 300 pesawah yang sudah meninggal dunia masih menerima pembayaran sebanyak RM730,000 menerusi Skim Subsidi Harga Padi (SSHP).

Dalam rumusan Laporan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara yang dibentang PAC di Dewan Rakyat semalam, ini disebabkan pembayaran SSHP kepada pesawah tidak dipantau sepenuhnya oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

Keadaan itu mengakibatkan pengurusan pembayaran SSHP oleh Padiberas Nasional Berhad (Bernas) tidak teratur.

"Semakan audit mendapati 300 orang penerima bayaran SSHP direkodkan meninggal dunia dalam tempoh kematian sehingga 15 tahun.

"Ia melibatkan 453 transaksi. Pembayaran SSHP sepatutnya dibuat kepada waris berdasarkan pendaftaran baharu bagi kes kematian.

"Punca utama adalah tiada prosedur atau mekanisme yang jelas di peringkat kementerian untuk menentukan kesahihan data penerima SSHP dan status kad daftar pesawah berdasarkan laporan bayaran SSHP yang dikemukakan oleh syarikat konsesi," kata laporan itu.

Perkara itu antara lapan rumusan dalam laporan PAC yang dibentang di Parlimen hari ini. Laporan itu dimuat naik di laman sesawang PAC.

Sehubungan itu, PAC mengesyorkan kementerian, Bernas dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) segera mengintegrasi dan mengemas kini pangkalan data pesawah bagi memastikan pembayaran SSHP dapat dilaksana dengan lebih telus, efisien dan teratur.

"Kementerian dan Bernas perlu segera membangunkan Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah bagi memastikan keberkesanan penggunaan Sistem Kad Pintar pesawah," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/10/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 3 |


# 300 pesawah meninggal masih dapat subsidi

**Kuala Lumpur:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendedahkan pengemaskini data Skim Subsidi Harga Padi (SSHP) yang tidak dipantau oleh Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mengakibatkan pengurusan pembayaran skim berkenaan oleh Padiberas Nasional Bhd (BERNAS), tidak teratur.

Naib Pengerusi PAC, Wong Shu Qi, berkata ia sekali gus menyebabkan pembayaran sejumlah RM0.73 juta dibuat kepada 300 pesawah yang sudah meninggal dunia.

Selain itu, katanya, perjanjian konsesi BERNAS yang bermula sejak 1996 dan berakhir pada 2011 dilanjutkan sebanyak dua kali dan akan berakhir pada tahun 2031.

"Perjanjian konsesi ini akan menjangkau tempoh 35 tahun. Kos konsesi Perjanjian Ketiga berjumlah RM3.216 bilion yang bermula 11 Januari 2021 hingga 10 Januari 2031," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Kenyataan itu dibuat berhubung satu prosiding PAC terhadap tiga saksi pada 14 Jun lalu.

Mereka adalah Ketua Setiausaha KPKM, Datuk Lokman Hakim Ali; Setiausaha Bahagian Pembangunan Industri Padi KPKM merangkap Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood dan Ketua Bahagian BERNAS, Abdul Rahman Mohd Nas.

## Syor kaji alternatif

Shu Qi berkata, PAC turut mengesyorkan agar kerajaan mengkaji alternatif dalam menjamin kestabilan beras bagi mengelakkan kebergantungan kepada perjanjian konsesi BERNAS sekali gus mendorong ke arah pasaran terbuka beras.

Katanya, perkara itu antara lapan syor yang digariskan oleh PAC kepada kerajaan mengenai Laporan Terimaan dan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara di bawah KPKM.

Beliau berkata, syor lain adalah KPKM perlu memantau Akaun Amanah Dana Obligasi Sosial BERNAS bagi memastikan penyaluran dan penggunaan dana itu mengikut syarat ditetapkan dalam perjanjian konsesi dan Surat Ikatan Amanah.

"KPKM hendaklah memastikan BERNAS menyalurkan dana obligasi tepat pada masanya selaras dengan perjanjian konsesi.

"KPKM, BERNAS dan JPN (Jabatan Pendaftaran Negara) perlu segera mengintegrasikan dan mengemas kini pangkalan data pesawah bagi memastikan pembayaran SSHP dapat dilaksanakan dengan lebih telus, efisien dan teratur," katanya.

Selain itu, Shu Qi berkata, antara syor dikemukakan adalah KPKM dan BERNAS perlu segera membangunkan Sistem Maklumat Padi dan Beras serta Sistem Pengurusan Profil dan Nutrisi Tanah bagi memastikan keberkesanan penggunaan Sistem Kad Pintar pesawah.

Katanya, KPKM dan BERNAS perlu menyediakan Laporan Prestasi KPI secara bersama dengan lebih tepat, telus dan realistik berdasarkan prestasi pengurusan ladang yang sebenar.

"KPKM dan BERNAS hendaklah memastikan jentera dan mekanisasi diselenggara dengan baik bagi membolehkan ia digunakan oleh pesawah pada bila-bila masa.

"KPKM hendaklah menguatkuasakan remedi iaitu dengan menuntut penalti yang berkaitan, berhubung dengan kegagalan syarikat konsesi mematuhi obligasinya selaras dengan KPI yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi.

"Ini termasuk dan tidak terhad kepada kegagalan pembayaran RM25 juta dana obligasi sosial mengikut tempoh yang ditetapkan," katanya.

# KADA tambah baik agihan hasil padi projek Ladang Merdeka

**Kota Bharu:** Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) sudah mengambil tindakan pengesanan dan penyerahan agihan yang belum diagihkan susulan teguran Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 yang mendapati agihan hasil padi bagi Projek Ladang Merdeka berjumlah RM4.36 juta tidak teratur.

Pengurus Besar KADA, Mohd Faizul Mustafa, berkata sehingga kini, hasil padi yang sudah berjaya diagihkan kepada peserta atau wakil yang sah adalah sebanyak RM215,592, membabitkan 104 peserta.

"Bagi peserta yang belum dapat dikenal pasti, KADA sudah mengemukakan carian hak milik rasmi kepada Pejabat Tanah dan Jajahan bagi mengesan pemilik atau peserta berkenaan.

"Pada masa sama, KADA menambah baik tempoh agihan hasil padi kepada peserta daripada 150 hari kepada 90 hari selepas selesai penuaian di ladang.

"Perkara ini sudah dimasukkan dalam SOP Ladang Merdeka dan KADA kini pada peringkat mengkaji keperluan menurnikan kesesuaian pindahan wang secara elektronik bagi pengagihan hasil padi di 16 Ladang Merdeka," katanya ketika dihubungi.

Mohd Faizul berkata, antara penambahbaikan dilakukan KADA adalah menambah baik borang kebenaran kepada wakil bagi mengambil wang hasil padi Ladang Merdeka dengan memasukkan perakuan penerima dan senarai dokumen sokongan.

Katanya, borang berkenaan sudah digunakan sepenuhnya mulai 17 Mei tahun ini.

"Perjanjian sedia ada juga sudah dijenamakan semula kepada Borang Kebenaran Tuan Tanah untuk Menyertai Projek Ladang Merdeka mulai 4 Mei lalu.

"Borang itu juga perlu disahkan Pesuruhjaya Sumpah. Senarai peserta Ladang Merdeka juga sudah dikemas kini dengan maklumat seperti penerima, wakil, nombor telefon, akaun bank, alamat serta lain-lain perkara berkaitan mulai musim pertama tahun lalu.

"Sistem pengurusan Ladang Merdeka yang baharu juga sudah dibangunkan sejak Januari tahun ini dan kini sudah siap fasa reka bentuk. KADA dalam proses migrasi data daripada pangkalan data sedia ada kepada sistem ini," katanya.

Terdahulu, LKAN 2021 mendapati agihan hasil padi bagi projek Ladang Merdeka RM4.36 juta tidak teratur dengan RM2.2 juta daripadanya diagihkan kepada 917 peserta yang sudah meninggal dunia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

Tubuh pasukan petugas khas rancak kerjasama demi kepentingan dua negara

# Sektor pertanian tumpuan utama Malaysia-Thailand

**Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Sektor pertanian termasuk keterjaminan makanan adalah antara bidang yang menjadi keutamaan dalam perbincangan antara Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Perdana Menteri Thailand, Srettha Thavisin.

Keputusan tersebut berdasarkan kedudukan negara gajah putih itu yang mempunyai keselamatan makanan selain dilengkapi dengan produk pertanian yang maju.

Selain itu, kedua-dua negara bersetuju menubuhkan beberapa pasukan petugas bagi merancakkan kerjasama dua hala dalam pelbagai sektor berkepentingan bersama terutama bidang pelancongan dan keselamatan.

Perdana Menteri berkata, perkara itu dipersetujui dalam mesyuarat bilateral bersama rakan sejawatannya semalam.

Menurut beliau, kerjasama itu turut melibatkan bidang perdagangan, perniagaan termasuk industri halal sekali gus mampu meningkatkan jumlah pelaburan di kedua-dua negara sebagai rakan negara jiran.

Katanya, selepas tempoh sebulan itu, kedua-dua pemimpin akan bertemu semula untuk menilai laporan daripada perkembangan yang dibincangkan menerusi pasukan petugas khas itu bagi memastikan pelaksanaannya berjalan dengan lancar dan efektif.

Bersambung di muka 2

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 2 |

# Sektor pertanian tumpuan utama Malaysia-Thailand

Dari muka 1

"Saya amat memahami fokus anda dalam isu-isu keselamatan dan pelaburan. Dan saya amat mengalu-alukan peluang dalam mencapai beberapa keputusan perniagaan di luar kebiasaan yang memberi kelebihan kepada kedua-dua buah negara.

"Melalui penubuhan pasukan petugas khas ini, kedua-dua negara yakin boleh meningkatkan jumlah pelaburan dan saling melengkapi satu sama lain dalam membantu negara jiran dan memperoleh manfaat daripada negara masing-masing," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar bersama sempena lawatan kerja Srettha ke Malaysia yang merupakan lawatan pertama beliau ke Malaysia selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri pada 5 September lalu.

Pada 2022, Thailand menjadi rakan dagangan ketujuh terbesar Malaysia di dunia, dan ketiga terbesar dalam kalangan negara anggota ASEAN, dengan jumlah perdagangan berjumlah RM122.03 bilion (AS$27.75 bilion), meningkat 17.9 peratus berbanding RM97.55 bilion (AS$23.54 bilion) pada 2021.

Sementara itu, Srettha berkata, Thailand mengiktiraf sijil halal Malaysia untuk digunakan bagi meningkatkan pengeluaran produk makanan seterusnya berupaya memasarkan produk tersebut ke peringkat antarabangsa.

"Jadi, kami berasakan boleh meningkatkan produktiviti. Malaysia memerlukan makanan dan mempunyai jenama halal yang boleh membantu Thailand untuk menjualnya ke seluruh dunia.

"Dengan pensijilan itu, kita boleh meluaskan pasaran produk halal ke seluruh dunia serta akan meningkatkannya," katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri Thailand itu menghadap Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara.

Dalam pada itu, Srettha berkata, perbincangan bersama Anwar turut menyentuh mengenai isu keselamatan negara di utara Malaysia dan selatan Thailand yang turut menjadi perhatian kedua-dua kerajaan.

"Kita bersetuju untuk meningkatkan kemajuan di selatan Thailand seterusnya membolehkan rakyat di utara Malaysia juga akan menikmati kepesatan pelaburan serta kewangan antara kedua-dua negara.

"Kita menikmati nilai pelaburan yang baik dan jumlahnya perlu ditingkatkan dengan perancangan yang ingin dilaksanakan. Sasaran akan ditetapkan kelak dan berharap mencapainya dalam masa terdekat," ujarnya.



ANWAR Ibrahim bersalaman dengan Srettha Thavisin dalam sidang akhbar bersama di Perdana Putra, semalam. -BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 5 |

Tingkatkan infrastruktur, harga belian padi dan subsidi SIPP

# Jangan lupa nasib pesawah

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my



PESAWAH berharap mereka akan diberikan tumpuan khusus dalam Belanjawan 2024 berikutan pelbagai masalah yang mereka hadapi dan juga masalah bekalan dan keterjaminan makanan yang dihadapi negara.

**ARAU:** Kira-kira 248,000 petani di seluruh negara berharap Belanjawan 2024 bakal memberi lebih tumpuan kepada nasib golongan tersebut yang menjadi nadi dalam menjamin isu keterjaminan makanan di Malaysia.

Antara yang digariskan para pesawah seperti meningkatkan peruntukan infrastruktur melibatkan saliran dan sebagainya yang juga merupakan antara perkara penting untuk petani apabila mengusahakan tanaman padi.

Selain itu, pesawah juga meminta kerajaan menambah subsidi skim insentif pengeluaran padi (SIPP) agar bersesuaian dengan situasi semasa berikutan semua input pertanian mengalami kenaikan harga.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Sukardi Md. Dali berkata, kerajaan juga diminta mengkaji semula harga siling beras tempatan yang terlalu rendah ketika ini.

Katanya, apabila harga siling beras tempatan dinaikkan, secara tidak langsung, belian padi turut meningkat daripada RM1,200 pada masa ini kepada sekurang-kurangnya RM1,700.

"Bajet infrastruktur ini sememangnya perlu dinaikkan memandangkan di Perlis sahaja kebanyakkan saliran sudah berusia lebih 50 tahun. Peruntukan berkenaan perlu turut melibatkan bajet mencuci saliran ini yang selalu menjadi masalah.

"Subsidi SIPP juga penting dan perlu ditambah yang menjadi harapan kebanyakan para pesawah ini. Belanjawan 2024 ini perlu memberi lebih fokus kepada industri pertanian ini khususnya melibatkan para pesawah yang kehidupan semakin tertekan," katanya.

Seorang lagi pesawah, Mohd. Nazri Subuh, 48, berkata, subsidi SIPP perlu ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya RM300 seperti sebelum ini.

"Selain itu, subsidi lain seperti baja juga sudah tiba masanya ditingkatkan. Kehidupan pesawah sekarang sangat teruk dengan semua harga input pertanian mengalami kenaikan termasuk benih padi yang meningkat sekali ganda.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Razali Saad pula berharap peningkatan harga siling beras tempatan, belian padi dan kadar harga benih padi yang sah dimasukkan dalam Belanjawan 2024 yang akan dibentangkan Jumaat ini.

Beliau mencadangkan agar harga benih padi sah dinaikkan pada kadar RM45 hingga RM50 untuk 20 kilogram bagi setiap kampit bagi bersama-sama menjaga situasi pasaran.

# Pertimbang naik harga lantai belian padi

**ALOR SETAR:** Kerajaan diminta mempertimbangkan kenaikan harga lantai bagi pembelian padi di kilang-kilang bernilai RM1,200 setiap tan metrik ketika ini yang dianggap sudah tidak relevan serta tidak seiring dengan kenaikan kos input pertanian yang menghimpit pesawah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mahfuz Omar berkata, kenaikan harga lantai itu boleh diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2024, Jumaat ini.

Namun, katanya, tidak ada masalah sekiranya kerajaan mengumumkan perkara itu lewat sedikit jika memerlukan lebih masa untuk membuat pertimbangan terbaik.

"Langkah itu perlu bagi menstabilkan kembali isu berkaitan padi dan beras dalam negara. Kalau tak mahu umum dalam Belanjawan, mungkin boleh umum lewat sedikit tetapi perkara ini sesuatu yang penting untuk dilaksanakan.

"Walaupun pesawah diberikan subsidi RM500 bagi setiap tan metrik padi, jumlah itu masih tidak cukup bagi menampung peningkatan harga input pertanian. Saya fikir, kalau dapat naik harga lantai belian padi kepada RM1,400 atau RM1,500 pun, itu sudah cukup melegakan pesawah," katanya.

Petani ketika ini berdepan dilema apabila kilang-kilang padi yang sebelum ini membeli padi dari mereka pada kadar RM1,700 per tan, menurunkan harga secara mendadak kepada harga lantai sejak beberapa hari lalu.

Para pengilang memberi alasan terpaksa berbuat demikian kerana tidak mahu menanggung rugi berikutan kos pembungkusan yang meningkat selain terikat dengan keputusan kerajaan tidak mahu menaikkan harga beras putih tempatan (BPT).

Sementara itu, Mahfuz yang juga Pengerusi Pakatan Harapan Kedah berkata, seiring dengan keputusan kerajaan menaikkan harga lantai belian padi oleh kilang, kerajaan juga perlu menyemak harga siling BPT di pasaran yang sudah sekian lama tidak dinaikkan.

"Bagi memastikan golongan B40 tidak terbeban dengan kenaikan harga BPT, kerajaan boleh laksana subsidi bersasar kepada golongan berkenaan. Ketika ini, seolah-olah petani menyediakan makanan untuk semua golongan termasuk mereka yang kaya serta pendatang asing sedangkan pesawah inilah yang menampung segala beban kenaikan kos input pertanian.

"Dengan pelaksanaan subsidi bersasar nanti, itu bermakna pendatang asing pun perlu membeli beras pada harga sebenar. Keadaan itu mampu membantu pesawah untuk memperoleh pendapatan lebih setimpal," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 6 |

# Peranan Bernas dikekalkan

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Kerajaan belum bercadang menghapuskan monopoli Padiberas Nasional Berhad (Bernas) sebagai pengimport beras utama di negara ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, dasar pengimport tunggal beras yang sedang dilaksana ketika ini adalah kaedah terbaik dalam menangani cabaran semasa dan mendatang.

Katanya, dasar berkenaan adalah mekanisme utama yang memberi keupayaan kepada negara menghadapi cabaran ketidakstabilan harga beras dunia.

"Ini kerana dasar pengimport utama adalah mekanisme 'gatekeeping' yang berfungsi sebagai benteng bagi melindungi industri padi dan beras tempatan daripada terdedah kepada ketidaktentuan kedudukan pasaran antarabangsa.



MOHAMAD SABU

"Sebarang keputusan mengenai perubahan dasar ini wajib mengambil kira kebajikan dan pendapatan pesawah, kestabilan dan jaminan bekalan makanan negara serta dasar semasa kementerian," katanya melalui jawapan bertulis di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Oscar Ling Chai Yew (PH-Sibu) yang bertanya bila kementerian akan menghapus monopoli Bernas dan membenarkan lebih banyak pengimport beras di negara ini.

Menjawab soalan sama ada kenaikan harga Beras Putih Import (BPI) ada hubung kait dengan monopoli Bernas, beliau menjelaskan, ia tidak berkaitan.

Katanya, kenaikan BPI kerana harga pasaran antarabangsa bagi beras itu meningkat sebanyak 60 peratus pada Ogos 2022.

Katanya, sebanyak 19 negara membataskan eksport ke luar negara untuk memberi keutamaan kepada rakyat sendiri.

"Contohnya, India mengenakan sekatan eksport beras mulai Julai lalu, seterusnya memberi kesan kepada kenaikan harga beras putih global.

"Keadaan ini diburukkan lagi dengan kemerosotan kadar tukaran Ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat (AS).

"Kenaikan harga beras ini bukan saja berlaku di negara ini tetapi turut dirasai secara global," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 'Potong 20 peratus, berapa yang tinggal?'

**ALOR SETAR** – Kadar pemotongan pemutuan belian padi di kilang sehingga 20 peratus sejak tiga musim lepas didakwa membebankan sekali gus menjejaskan pendapatan petani di negeri ini.

Seorang petani, Khairul Anuar Yusuf, 44, berkata, penetapan kadar itu bukan sahaja mengelirukan, malah dianggap menekan golongan sepertinya.

"Kalau dahulu harga padi RM700 hingga RM800 per tan, tetapi kadar pemotongan hanya 14 atau 15 peratus.

"Sekarang harga belian padi meningkat, potongan pun naik sehingga 20 peratus sejak tiga musim lepas," katanya ketika ditemui di Kampung Kuar Jawa Alor Janggus, di sini semalam.

Menurut Khairul Anuar, sebagai pesawah, sudah tentu mereka yang senasib dengannya memperoleh pendapatan yang berkurangan.

"Satu tan padi jika dipotong 20 peratus, berapa banyak yang tinggal? Padi menjadi atau tidak, tetap potong," katanya.

Sehubungan itu, mereka meminta kerajaan serta agensi terlibat memantau perkara tersebut termasuk pengilang beras dalam usaha membela nasib petani.

Seorang lagi petani, Saleh Ali, 60, memberitahu, kadar pemotongan pemutuan padi yang ditetapkan di kilang itu perlu ditentukan mengikut kualiti padi bukan secara pukul rata.

"Semak semula kadar potongan ini. Kalau padi elok jangan potong sampai 20 peratus, berbeza dengan padi angin atau padi terendam dalam air boleh buat potong tinggi.

"Kami sentiasa berusaha menyediakan hasil yang terbaik, namun seolah-olah tidak dihargai kerana kebanyakan kami masih miskin. Sampai bila akan berubah?" ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Majlis Ketua Kampung, Mohd. Nor Hassan, 65, berharap agensi terbabit memainkan peranan dengan turun padang memantau situasi yang dilihat menghimpit golongan petani.

"Jika dahulu, berita harga padi naik RM1,700 sangat menggembirakan golongan petani, namun sekejap sahaja, sekarang turun semula.

"Bukan itu sahaja, sekarang pelbagai isu menghimpit pesawah seperti harga benih naik, upah mesin padi dan membajak juga naik," katanya.



**KENAIKAN kos mengerjakan sawah semakin naik dan terus menghimpit golongan petani di Kedah.** – GAMBAR HIASAN

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | THE SUN | NEWS | 4 |

# 'Bernas needs to fulfil obligations'

Lokman made his comments in light of the removal of "stabilising market prices of rice" as a social obligation in the latest Bernas concession agreement, which was first signed in 1996 and ended in 2011.

The latest agreement was extended from January 2021 to January 2031 and cost RM3.216 billion.

While Bernas is responsible for managing the padi subsidy scheme payments and is the sole importer of rice in the country, the company also has to fulfil several social obligations maintained in the agreement.

From front page

These include acting as the buyer of last resort for local rice supply, providing funds for padi mechanisation and equipment supply, fertilisation and large-scale padi development.

The PAC report also pointed out that as of June 14, Bernas has failed to allocate RM25 million out of the RM37 million funds provided in 2021 for social obligations.

"The ministry must ensure Bernas channel the obligation funds on time, in line with the Bernas concession agreement. The ministry, Bernas and the National Registration Department must immediately integrate and update padi farmers to ensure payment of the padi price subsidy scheme can be conducted transparently, efficiently and orderly," the PAC said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/10/2023 | NST | NEWS | 8 |



*Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu says the ministry believes the current primary rice import policy is the best way forward to address the current shortage and future challenges.* BERNAMA PIC

NATIONAL RICE IMPORTER

# No plans to end Bernas monopoly on rice imports

**KUALA LUMPUR:** The government currently has no plans to end the monopoly by Padiberas Nasional Bhd (Bernas) as the national rice importer in the country.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the ministry believed the current primary rice import policy was the best way forward to address the current shortage and future challenges.

He said the policy enabled the country to tackle the challenges of international rice price instability.

"This is because the primary import policy serves as a gatekeeping mechanism that acts as a shield to protect the local rice and padi industry from being exposed to international market uncertainties.

"Based on this, any decision regarding a change in this policy must take into consideration the welfare and income of rice farmers, food supply stability and security, as well as the current ministry policy," he told the Dewan Rakyat in a written reply.

He was responding to a question from Oscar Ling Chai Yew (Pakatan Harapan-Sibu) on the ministry's plans to eliminate the monopoly on rice and allow more importers.

On whether the increase in the price of imported white rice was related to the monopoly, Mohamad replied in the negative.

Instead, he said the increase was due to a 60 per cent hike in international rice market prices, which occurred in August last year.

To date, 19 countries have restricted rice exports to prioritise their own consumption.

As an example, Mohamad said India had imposed rice export restrictions since July, which subsequently affected the global white rice prices.

"This situation is further exacerbated by the depreciation of the foreign exchange rate of the Malaysian ringgit compared to the United States dollar.

"The increase in rice prices is not only happening locally, the pinch is being felt globally."

PADI PRICE SUBSIDY SCHEME

# PAC: RM730,000 in subsidies paid to dead farmers

**KUALA LUMPUR:** The Public Accounts Committee (PAC) yesterday revealed that the Padi Price Subsidy Scheme (SSHP) payment to farmers was not adequately monitored by the Agriculture and Food Security Ministry, leading to payment irregularities.

In a declassified report released on the Parliament website, the committee said the irregularities by Padiberas Nasional Bhd (Bernas) also led to payments amounting to RM730,000 made to 300 farmers who had died.

"An audit review found out that 300 SSHP payments were recorded (paid out to) deceased (farmers) within a 15-year period. Following this, a total of RM730,000 was paid to deceased farmers, involving 453 transactions.

"The transactions, however, were supposed to be made to their next of kin, based on the death registration record.

"The main issue here is a lack of clear procedures and mechanisms at the ministerial level to verify the authenticity of the recipients' data, as well as farmers' registration status based on the SSHP payment report submitted by the concession company."

Following this, PAC, in its recommendation, has requested that the ministry, alongside Bernas and the National Registration Department, update the database to ensure smoother and orderly SSHP payments.

The PAC report also highlighted that the Bernas concession agreement, which was initially scheduled to end in 2011, had been extended twice, with the latest ending in 2031. This means the concession agreement would last for 35 years.

"The concession agreement with Bernas began in 1996. With the third concession agreement, this means that the negotiation will last for 35 years.

"The third concession agreement totalled RM3.216 billion, starting from Jan 11, 2021 to Jan 10, 2031."

Other recommendations by PAC in the report include the establishment of a trust account for the disbursement of social bond funds, which is more transparent compared to fund disbursement under the Farmers Organisation Authority's disaster fund.

"This is also because up to June 14 this year, Bernas had yet to disburse the remaining balance of RM25 million out of RM37 million for the 2021 social bond fund.

"The ministry's key performance indicator (KPI) report in 2021 contradicts the actual performance of Bernas' machinery supply."

PAC has called out the ministry to enforce "remedies" by demanding relevant penalties related to the failure of concession companies to comply with their obligations, in line with the KPI set in the concession agreement.

"This includes, but is not limited to, the failure to pay the RM25 million social bond funds within the stipulated time frame."

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | KOSMO | K2 | 19 |



KHAMIS 12.10.2023

k2 Menyelami Hidup Anda

Kosmo!

# Konservasi penyu Mersing

PUSAT Pemuliharaan Tunku Abdul Jalil, Tengah Island Conservation (TIC) di Mersing, Johor bertanggungjawab melakukan aktiviti konservasi bagi penyu agar dan karah yang dikategorikan sebagai spesies terancam serta hampir pupus.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/10/2023 | KOSMO | K2 | 20 |



MOHD. NUR AIMAN (dua dari kanan) melepaskan anak penyu sambil disaksikan pelancong di Batu Batu Resort, Mersing, Johor.



# Bantu tingkat populasi penyu agar dan karah



Rencana Utama

Oleh SITI SARAH NURUL LIYANA

SINAR mentari pagi baru saja kelihatan di horizon perairan sekitar Mersing, Johor sewaktu Nur Syakira Zainal menaiki bot untuk melakukan pemantauan di pulau-pulau sekitar Taman Laut Sultan Iskandar.

Dengan menggunakan teropong, wanita berusia 27 tahun itu bersama dua lagi rakan sukarelawan marin mencari jejak pendaratan penyu.

Kewujudan jejak tersebut bermaksud terdapat ibu penyu yang naik ke pantai berkenaan untuk bertelur.

Jelas Nur Syakira, pasukannya perlu segera ke kawasan telur penyu itu sebelum ia dikutip pihak tidak bertanggungjawab atau dimakan haiwan pemangsa.

"Telur-telur ini akan dikutip dengan cermat dan disusun mampat dalam baldi.

"Sedikit pasir pantai daripada sarang asal akan dimasukkan kerana ia memiliki nutrien diperlukan telur ini.

"Keadaan telur ini sangat sensitif. Sebarang gegaran kuat mampu mengganggu perkembangan tumbesaran janin," katanya.

Kemudian, telur-telur penyu akan dibawa ke kawasan pengeraman Pusat Pemuliharaan Tunku Abdul Jalil, Tengah Island Conservation (TIC) di Long Beach, Pulau Tengah, Mersing.

TIC merupakan badan bukan kerajaan (NGO) yang diasaskan oleh pengurusan Batu Batu sebagai inisiatif memulihara biodiversiti marin pulau-pulau di sekitarnya.



PEMBACA suhu diletakkan di kawasan pengeraman telur penyu.

Aktiviti konservasi yang dijalankan mendapat sokongan daripada pelbagai agensi tempatan terutamanya daripada Jabatan Perikanan, Pejabat Daerah Mersing dan Majlis Daerah Mersing.

Pada 2018, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkenan untuk merasmikan dan menamakan pusat konversasi itu dengan nama anakanda keempat baginda.

Pusat itu dinamakan sempena nama Tunku Laksamana Johor, Almarhum Tunku Abdul Jalil Sultan Ibrahim yang mempunyai minat mendalam dalam bidang zoologi dan konservasi.

Biarpun dirasmikan pada 2018, tempat berkenaan sudah siap dibina sejak 2015.

Kongsi Nur Syakira lagi, mereka akan mengorek pasir bagi membentuk ruang (*chamber*) dengan ukuran hampir sama dengan kaki belakang (*flippers*) ibu penyu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 12/10/2023 | THE STAR | METRO | |



# Planting potential

Community farms in Pasir Gudang give residents access to fresh produce and a chance to earn extra income. To further strengthen food security, schools in the city are also equipping pupils with basic skills to cultivate their interest in agriculture. >2&3

**Green space:** For some, community farms like this one in Taman Mawar, Pasir Gudang, Johor, are not only a way to cut costs on daily expenses but also a place for neighbours to gather and socialise. — Photo courtesy of Pasir Gudang City Council

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 12/10/2023 | THE STAR | NEWS | 2 |

JOHOR



The community farm at Flora Heights apartment in Bandar Seri Alam is a space where the residents can gather and socialise.

# Hobby bears fruit for Pasir Gudang folk

## Community farmers aim to expand with AI technology, help those in need

By REMAR NORDIN
remar.nordin@thestar.com.my

WHAT started as a gardening hobby for 30 women in Taman Mawar several years ago is now a benchmark for all community farms in Pasir Gudang, Johor.

According to housewife Normah Kassim, the group started growing plants on a 0.2ha piece of land provided by the local authority, which was in front of their houses in Jalan Mawar 60, back in 2019.

"It started small – a few banana trees, *pandan* plants and herbs – and was upgraded by Pasir Gudang City Council (MBPG), who also helped to provide turmeric, lemongrass and chilli, in June last year.

"The group then cleared away more bushes and organised the garden with other cash crops such as brinjal, corn, ridge gourd and bottle gourd.

"About six months ago, the council recognised our efforts by setting it as a benchmark for community farms in the city," said Normah, who is Taman Mawar Women Community Farm chief.



Mohd Hafis with brinjal plants that have been harvested twice this year.

She added that a majority of its members were engineers and accountants who worked in the Pasir Gudang Industrial Area.

The former human resources trainer said the farm was also a place for the community to buy vegetables and fruits at prices that were lower than other nearby community farms.

"Those interested in buying can head to a shed that we have set up to select the produce," Normah said, adding that members would usually gather at the farm from 8am to 10am daily.

The group also learnt about another garden located about 20 minutes away, which began the same year, through social media and has been helping them sell their produce.

Some of the vegetables were from Duku Community Farm in Taman Kota Masai, said Mohd Hafis Mohd Razali, who lives close to that green space.

The 43-year-old said he sold burgers for 16 years before quitting and trying his luck at farming.

"We started growing chillies first, but we found that the plant was a bit hard to manage as insects often attacked them.

"We also tried planting 1,800 polybags of ginger but we found out the hard way that it would take about 12 hours just to harvest and clean 10kg of ginger," he said.

The farm, he added, which was around 0.7ha, used a fertigation method, where fertilisers were delivered to plants through an irrigation system.

Mohd Hafis, along with 18 others, aim to modernise the farm by installing AI-based equipment and machines.

"We are heading in that direction in phases because we want to reduce the workload, especially in distributing fertilisers.

"With AI, the system can identify and even predict the nutrients needed by plants and provide them directly to the ones that need them, which is better than just spraying the fertiliser around all plants.

"These systems have already been implemented at Universiti Putra Malaysia (UPM) and Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi), and we hope do the same here," he said, adding that

# Growing an interest in farming from young



Hasmiza with a stingless bee (lebah kelulut) hive where the school harvests its honey. – THOMAS YONG/The Star

THE agricultural industry plays a crucial role in ensuring a country's people will have sufficient food supply in the future.

To prepare for the needed manpower, the country's younger generation must be exposed to the basic skills of farming.

SK Taman Suria Sustainability Unit coordinator Hasmiza Sabtu said the school had taken a leap by introducing community farming to pupils from Year 4 to Year 6.

"The school participated in the Iskandar Malaysia Ecolife Challenge (IMELC), organised by Iskandar Regional Development Authority (IRDA) in 2016.

"To take part, the school must practise a low-carbon lifestyle, such as conducting recycling activities and gardening.

"We also introduced corridor hydroponic farming to pupils so that they can be part of the planting and harvesting process," she said.

Hasmiza added that all of the produce would be sold to the teachers or given away to pupils.

"We wanted them to bring home the skills that they have learned and put them to practice; it is important for them to have the awareness that they can grow their own plants at home and make money from selling any excess produce.

"This initiative is also in line with the Sustainable Development Goal (SDG) of zero hunger," she added.

Meanwhile, SK Taman Suria Environmental Club coordinator Hafizul Syarafi Mohd Noor said the school received 60 nutripots from Johor Biotechnology and Biodiversity Corp (J-Biotech) as part of a



"Farm to School" initiative.

"The school has also introduced a 'Wakaf Botani' programme as part of the initiative to get pupils interested in gardening.

"The programme started in

